

15/08/2000

Pekan Rabu bakal jadi `Che Det Mall`

ALOR STAR, Isnin - Kerajaan Kedah mahu mengubah wajah pusat perniagaan tertua usahawan Melayu di pekan ini, Pekan Rabu, sebagai destinasi belah-belah popular dikenali Che Det Mall.

Serentak itu, pengurusan keseluruhan bangunan di Pekan Rabu yang kini turut menempatkan Pejabat Mara negeri, mahu diambil alih oleh Koperasi Pekan Rabu.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata pihaknya akan membincangkan perkara itu dengan Kementerian Usahawan untuk menjadikan pejabat Mara itu sebagai hotel.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pada dasarnya setuju dengan cadangan menjadikan pusat beli-belah itu sebagai Pekan Rabu Mall tapi kita mahu ia diberi nama Che Det Mall.

"Untuk tujuan itu, kawasan kosong berhampiran Pekan Rabu yang kini dijadikan tempat letak kereta akan dimajukan bagi membolehkan projek itu dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghantar Dr Mahathir berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Kepala Batas, di sini, hari ini.

Syed Razak yang juga Yang Dipertua Koperasi Pekan Rabu berkata, kerajaan negeri yakin Che Det Mall mampu menarik kehadiran ramai pelawat kerana ia mempunyai nilai tersendiri iaitu tempat seorang Perdana Menteri memulakan perniagaan.

Mengenai hotel itu, Menteri Besar berkata, ia membabitkan pembinaan 50 bilik hotel kos sederhana dan akan ditawarkan kepada mana-mana pengusaha hotel yang berjaya.

"Kerajaan negeri yakin Pekan Rabu mempunyai potensi untuk dijadikan daya tarikan pelancong ke Alor Star.

"Saya berharap usahawan Melayu tidak menganggap diri mereka peniaga kerdil kerana Dr Mahathir membuktikan peniaga di Pekan Rabu boleh menjadi Perdana Menteri," katanya.

(END)